

SAHABAT-SAHABAT NABI YANG TERBILANG

Riwayat hidup pahlawan Islam yang disajikan di bawah adalah menggambarkan dengan jelasnya sifat anak lelaki yang tinggi cita-citanya, gagah berani, teguh azamnya, tetap pendirianannya dan mempunyai sejarah perjuangan yang indah cemerlang. Perwira Islam yang handalan itu ialah Saidina Abdullah bin Al-Zubair radiallah anhu!

ABDULLAH BIN AL-ZUBAIR

Riwayat hidupnya yang cemerlang dijadikan panduan dan iktibar oleh anak-anak muda Islam terutama dalam zaman ini, zaman yang di dalamnya tidak akan tunduk sesuatu itu melainkan kepada kekuatan yang menggerunkan dan azam yang teguh!

Sahsiah Ibnu Al-Zubair yang berpengaruh yang telah menentang dengan gagahnya akan kerajaan Bani Amir yang terkenal dengan kekuatan dan kebesarannya sebenarnya adalah sahsiah yang telah dibentuk oleh pendidikan Islam yang sejati bahkan yang telah dibentuk oleh perempuan Islam yang sejati iaitu Asma' binti Abu Bakar As-Saddiq radiallah anhu.

Abdullah lahir ke dunia setelah Islam berkembang dengan suburnya di Madinah, dan ketika orang-orang Islam sedang menghunus senjata menentang musuh-musuhnya.

Kejayaan Islam yang bertunda-tunda dan kemenangan pahlawan-pahlawan Islam—termasuk ayahandanya Al-Zubair Ibnu Al-Awwam—yang sedang bergema di seluruh semenanjung Arab itulah suara merdu yang mula-mula didengarnya.

Ahli tawarikh Islam telah meriwayatkan bahawa Asma' binti Abu Bakar As-Saddiq telah mengandungkan Abdullah ketika ia berada di Mekah. Lebih lanjut Asma' sendiri berkata:

‘Sebaik-baik saya berhijrah ke Madinah dan tiba “di Quba” maka saya pun melahirkannya di sana, Lalu saya membawanya menghadap Rasulullah (SAW) dan saya letakkan di pangkuan baginda. Baginda pun meminta sebiji buah kurma lalu dikunyahnya

kemudian Nabi meludah di mulut Abdullah. Maka air liur baginda itulah benda yang mula-mula ditelannya. Setelah itu baginda pun menggosokkan rahang dan lidah Abdullah dengan buah kurma itu lalu didoakan dan diberkatinya. Abdullah ialah pertama-tama anak kaum Muhajirin yang telah dilahirkan di Madinah.

Sebaik-baik ia berusaha tujuh tahun dan sedang berlatih mengerjakan ibadat dan kebajikan maka ayahandanya Saidina Al-Zubair pun membawanya menghadap Nabi dengan tujuan hendak menyuruh Abdullah mengangkat sumpah taat setia kepada baginda yang diharapkan akan bersempena iaitu baginya ketika ia besar kelak. Kedatangannya telah disambut oleh baginda dengan senyum lalu diterima sumpah setianya.

Keberanian Abdullah Ibnu Al-Zubair yang telah menjadi sebatik kepadanya semenjak ia masih kecil telah terserlah kepada orang ramai ketika ia bersama-sama dua orang rakan sebayanya pergi menghadap Nabi. Kedua-dua rakannya telah tersipu-sipu dan berat hendak melangkah melainkan Abdullah yang telah bersegera meluru mendapatkan baginda Rasulullah pun tersenyum lalu bersabda: “ia anak bapanya” yakni berani seperti ayahnya Al-Zubair bin Al-Awwam pahlawan Islam yang terkenal itu.

Suatu peristiwa lagi tentang keberaniannya ketika ia masih kecil, peristiwa ini sangat masyhur di dalam sejarah Islam:

Pada suatu hari khalifah Al-Muslimin Saidina Umar sedang melalui sebuah jalan raya di Madinah. Kebetulan pada ketika itu

suatu kumpulan kanak-kanak termasuk Abdullah sedang bermain-main di situ. Kedatangan Saidina Umar menyebabkan mereka bertemparan lari kecuali Abdullah yang telah tetap tidak berganjak dari tempatnya.

“Mengapa engkau tidak undur dari sini sebagaimana rakan-rakan engkau itu?” Saidina Umar bertanya maka dijawab oleh Abdullah dengan beraninya:

“Jalan ini bukanlah sempit maka saya dikehendaki berundur ke tepi tidak pula saya seorang yang bersalah maka saya akan menaruh gerun kepada Amirul Mukminin!!”

Keperwiraan Abdullah dari sehari ke sehari kelihatan bertambah nyata setelah ia merempuh medan perang sebagai seorang pahlawan Islam yang terkemuka. Ia telah merempuh medan pertempuran “Al-Yarmouk” bersama-sama ayahnya Al-Zubair Ibnu Al-Awwam dan telah merempuh medan perang di utara Afrika dalam masa pemerintahannya Saidina Uthman radiallahu anhu dengan mendapat kemenangan besar. Abdullah telah balik dari medan perang membawa berita kemenangan itu kepada Khalifah Al-Muslimin dan pada hari itu ia telah diberi peluang berucap di hadapan orang ramai menceritakan kemenangan Islam yang cemerlang itu.

Dalam masa Saidina Uthman terkepung oleh pihak pemberontak maka Ibnu Al-Zubair radiallah anhu telah menghunus pedang menentang mereka dengan handalnya.

Pengaruhnya sangat besar sehingga telah dapat mempengaruhi ayahnya sendiri – Az-Zubair radiallah anhu yang telah meninggalkan Bani Hasyim (pihak bapa bapa saudara Al-Zubair dari sebelah ibu) dan berpihak kepada Bani Umayyah. Sikapnya yang demikian inilah yang telah menyebabkan Saidina Ali berkata:

“Al-Zubair telah berkekalan terhitung seorang dari pihak kami Ahlu Al-Bait, sehinggalah apakala anakandanya telah besar, lalu mempengaruhinya dan memalingkannya daripada kita”.

Ia juga telah dapat mempengaruhi ibu saudaranya Saidina Aisyah radiallah anhu sehingga dengan desakannya itulah Ummu Al-Mukminin telah meninggalkan Madinah dan mencampurkan dirinya dalam perbalahan dengan Saidina Ali.

Ibnu Abdulbar di dalam kitabnya “Al-Isti’ab” menulis:

“Bahawa Saidatina Aisyah berkata; apabila Ibnu Umar lalu di sini, khabarkanlah aku hendak berjumpa dia setelah Ibnu Umar datang ke rumahnya maka Aaidatina Aisyah berkata: Wahai Abu Abdul rahman mengapa engkau tidak melarangku daripada meninggalkan Madinah?” (yakni ketika ia keluar dahulu lalu bersatu dengan pihak lawan Saidina Ali-p)

“Saya lihat ada seorang yang telah mempengaruhi ibu dan saya percaya tentulah ibu tidak akan menyalahi kehendaknya”

Jawab Ibnu Umar, orang yang dimaksudkan itu ialah Abdullah bin Al-Zubair.

“Kalau engkau larang, tentulah aku tidak akan meninggalkan Madinah”. Kata Ummu Al-Mukminin lagi.

Dengan pengaruhnya itu ia telah memimpin orang-orangnya menentang Saidina Ali di medan pertempuran “Al-Jamal”. Ketika peperangan sedang marak maka ayahnya Al-Zubair telah berasa menyesal mencampui “peperangan saudara” itu lalu mengundurkan diri. Kata ahli al-tawarikh Al-Zubair telah pergi berjumpa Saidatina Aisyah dan berkata kepadanya:

“Ibu” tidaklah saya menyaksikan sesuatu medan pertempuran, baik dalam masa, saya musyrik dahulu atau dalam masa saya Islam sekrang melainkan saya dapat tahu kedudukan salah benarnya dengan jelas melainkan medan pertempuran ini tidaklah saya mengetahui salah benarnya.”

Setelah itu iapun berkata kepada anakandanya, Abdullah: Fikirkanlah kedudukan engkau dalam peperangan ini, ada pun aku, hendak balik ke rumah.”

“Baharu sekarang” Setelah kita bertemu muka dengan pihak lawan? Demi Allah tidak saya akan berganjak dari perdirian saya”. Jawab Abdullah.

Menurut keterangan Ibnu Hajar di dalam kitabnya “Al-Asobah” bahawa Abdullah telah dikeluarkan di antara orang-orang yang bergelimpangan pada hari pertempuran Al-Jamal itu dan didapati 40 liang luka di badannya. Suatu hadiah yang besar telah diberikan oleh Saidatina Aisyah kepada orang yang menyaksikan kepadanya berita yang menggembirakan: bahawa Abdullah

masih hidup?

Setelah Muawiyah berjaya menjadi Khalifah Al-Muslimin maka iapun bercita-cita hendak melantik anakandanya Yazid menjadi bakal raja yang akan menggantikannya kelak, kerana kerajaan Islam yang telah turun tempuran semenjak Nabi membawa kepada khalifahnyanya yang berempat itu-sebuah kerajaan oran ramai telah dibuat oleh Muawiyah dengan kekuatan senjata dan kekayaannya kepada sebuah kerajaan beraja yang akan diwarisi oleh keturunannya.

Tetapi cita-cita Muawiyah hendak melantik anaknya Yazid sebagaimana yang disebutkan itu ada halangannya yang sangat-sangat ditakuti oleh Muawiyah. Dan halangan itu tidaklah lain daripada ketua-ketua Bani Hasyim dan lain-lain kaum yang sangat-sangat berpengaruh pada masa itu iaitu Al-Hasan dan Al-Hussin bin Ali, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Abdullah bin Jaafar dan Abdullah bin Al-Zubair.

Kesemuanya telah dijemput dan Muawiyah pun menyatakan hajatnya yang besar itu tetapi mereka dengan serentak telah membantahnya. Muawiyah memang pintar iapun menarik bagi sementara akan kehendaknya itu kerana menunggu peluang yang lebih musabab.

Sebenarnya yang sangat-sangat ditakuti oleh Muawiyah di antara mereka terutamanya ialah Abdullah Ibnu Al-Zubair yang terkenal degil dan berterus terang dengan tidak gementarkan siapa-siapa sahaja yang dilawannya itu.

Setelah menjalankan berbagai-bagai tipu muslihat akhirnya Muawiyah telah berazam akan meneruskan hajat-hajatnya berkenaan melantik Yazid. Ketua-ketua kaum telah dijemput dan mereka pula dengan satu suara bersetuju melantik Abdullah Ibnu Al-Zubair menjadi jurucakap mereka yang bertanggungjawab memutuskan sesuatu perkara dengan tidak akan menerima sebarang bantahan dari pihak mereka lagi.

Setelah kesemuanya pergi mengadap dan Muawiyah menyatakan hajatnya dan meimnta mereka jangan membantahnya maka Abdullah pun bangun menjelaskan sikap mereka dengan berterus terang

lalu berkata:

“Tiga perkara kami cadangkan pilihlah yang mana sahaja Amirul Mukminin kehendaki:

Pertama: Jalankanlah apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah sallahualaihiwasallam: Iaitu baginda telah wafat dengan tidak melantik bakal gantinya, maka biarkanlah perkara ini kepada orang ramai supaya mereka memilih orang yang mereka setuju.

Kedua: Jalankanlah apa yang telah dilakukan oleh Abu Bakar: Ia telah memilih gantinya seorang yang bukan kaum kerabatnya (yakni Saidina Umar-p) pada hal ada di antaranya berkelayakan.

Ketiga: Jalankanlah apa yang telah dilakukan oleh Umar: Ia telah memulangkan perkara memilih gantinya kepada enam orang ketua-ketua kaum yang terkemuka, supaya mereka memilih salah seorang di antara mereka, dengan melangkahi anaknya (Abdullah bin Umar) dan kaum kerabatnya, pada hal ada di antara mereka orang yang berkelayakan menyandang jawatan khalifah itu.”

“Adakah lain daripada ini?” tanya Muawiyah dengan murkanya

“Tidak”. Jawab Abdullah.

“Kami semua bersetuju dengan apa yang telah dijelaskan oleh Ibnu Al-Zubair”. Jawab mereka beramai-ramai.

Tetapi Muawiyah dengan kekuatan senjata dan kekuasaan yang sedang dipegangnya telah melantik Yazid menjadi bakal gantinya dengan suatu tipu muslihat yang menjadi titik hitam dalam sejarah Islam dan inilah yang menjadikan Ibnu Al-Zubair menghunisi senjata dan bertahan di Mekah menentang Yazid Raja pusaka yang telah menjadi ikutan kepada berpuluh-puluh raja Islam yang pusaka! Dan juga yang menjadikan Saidina Hussin menentang Yazid dengan gagahnya di Padang Karbala yang akhirnya telah terkorban dalam mempertahankan kebenaran sebagaimana Ibnu Al-Zubair juga telah terkorban di Mekah kerana kebenaran dan untuk kebenaran! – Ain. Ba.